

# PM: Bersara bila hilang sokongan Tidak kerana usia sahaja'

BH 13 MAY 1985

**KUALA LUMPUR, Ahad**  
— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan meletakkan jawatannya hanya kerana beliau sudah berusia 60 tahun.

Tetapi, katanya, beliau sedia mengundur diri sekiranya beliau tidak dikehendaki lagi oleh para ahli untuk memimpin Umno.

Presiden Umno itu menjelaskan, apa yang diucapkannya sewaktu merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu semalam ada kaitan dengan perebutan jawatan dalam bahagian-bahagian Umno sekarang.

Sambil membetulkan laporan muka depan sebuah akhbar berbahasa Malaysia (bukan *Berita Minggu*) hari ini, Datuk Seri Dr

## Oleh AHMAD PUAD ONAH

Mahathir memberitahu pemberita, mana-mana pemimpin sekalipun, termasuk beliau sendiri, harus berundur jika tidak mendapat sokongan lagi.

"Saya tidak kata saya akan meletakkan jawatan. Kalau orang tak suka, tak apa. Dunia tidak akan berakhir," katanya sambil menambah bahawa seseorang pemimpin itu tidak harus 'meronta-ronta' tidak mahu melepaskan jawatannya apabila tidak mendapat sokongan lagi.

## Bimbang

Akhbar itu melaporkan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir yang telah meningkat usia 60 tahun membayangkan beliau bersedia mengundurkan diri sekiranya pimpnannya tidak diperlukan lagi oleh sejuta ahli Umno.

Terdahulu ketika merasmikan persidangan perwakilan pertama Umno Bahagian Ampang Jaya di sini, Presiden Umno itu berkata, beliau kadang-kadang bimbang berucap kerana ada pemberita

yang melaporkan lain daripada yang diucapkannya.

Katanya lagi, kalau ucapan beliau sederhana dan tidak bersemangat untuk disiarkan di akhbar, ada wartawan yang akan mengubahnya sedikit supaya lebih menarik.

Meneruskan ucapannya, Perdana Menteri berkata para pemimpin politik, termasuk dirinya, harus bersedia berundur apabila tiba masanya.

"Ada orang yang lama jadi pemimpin tak mahu berundur dan ada yang baru dua hari masuk Umno tidak mepedulikan apa yang akan berlaku kepada parti asalkan mereka dapat jawatan," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, para pemimpin dan ahli Umno harus mematuhi perlembagaan parti dan tatasusila orang Melayu dan jangan terlalu ghairah merebut jawatan.

Katanya, perbuatan menabur wang atau janji dalam kempen merebut jawatan-jawatan Umno samalah seperti sogokan atau rasuah dan haruslah dihentikan segera bagi mengelakkan kehancuran parti.

Beliau berkata, kempen menggunakan wang, memburuk-burukkan lawan ataupun mengadakan kabinet sendiri akan hanya melahirkan keburukan kepada parti.

Perdana Menteri berharap apa juga bentuk kempen 'luar biasa' itu hendaklah dihentikan se-

gera dan sebaliknya setiap calon harus membiarkan ahli Umno membuat penilaian sendiri mengenai kebolehan seseorang itu sebelum membuat pemilihan.

## Sejati

"Asas penilaian bagi seseorang pemimpin ialah khidmatnya kepada parti, ahli dan negara, peribadi serta kelakuannya dan bukannya dengan memburuk-burukkan orang lain, mewujudkan kabinet sendiri atau menggunakan wang," ujarnya.

Beliau menasihatkan ahli Umno supaya berhati-hati dalam tindakan mereka dan berharap mereka akan melatih diri menjadi ahli sejati Umno, mengetahui perjuangan, sejarah serta semangat penubuhan Umno pada tahun-tahun 40-an dan 50-an.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, nasib orang Melayu terikat rapat dengan Umno dan jika ia gagal, orang Islam di negara ini akan menghadapi zaman gelap.

Beliau berharap mereka akan mengeneipkan kepentingan diri sendiri dan sebaliknya mengutamakan kepentingan parti.